

**KETERSAMPAIAN NILAI MURNI  
DALAM PENYARIKATAAN FILEM:  
SATU KAJIAN FILEM  
*MUKHSIN (2007) DAN TALENTIME (2009)***

**FELICIA CHONG ONN YEE**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2017**

**KETERSAMPAIAN NILAI MURNI  
DALAM PENYARIKATAAN FILEM:  
SATU KAJIAN FILEM  
*MUKHSIN (2007) DAN TALENTIME (2009)***

oleh

**FELICIA CHONG ONN YEE**

**Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Sarjana Sastera**

**November 2017**



## **PENGHARGAAN**

Sekalung budi dan jutaan terima kasih kepada penyelia saya, Profesor Madya Dr Hasuria Che Omar yang telah memberi bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar kepada saya dengan penuh kesabaran sehingga saya dapat menyiapkan kajian ini. Segala pengorbanan dan dorongan beliau sepanjang tempoh pengajian ini amat dihargai. Juga setinggi-tinggi ucapan terima kasih dirakamkan kepada pensyarah-pensyarah Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan atas dorongan, komen dan teguran yang membina dalam membantu menjayakan penulisan ini. Penghargaan turut ditujukan kepada rakan sekerja dan rakan-rakan lain yang sentiasa memberi sokongan kepada saya. Akhirnya, terima kasih tidak terhingga kepada saudara-mara dan keluarga tersayang atas galakan dan semangat yang diberikan selama ini.

## SENARAI KANDUNGAN

Penghargaan .....	ii
Senarai Kandungan .....	iii
Senarai Jadual .....	x
Senarai Rajah .....	xi
Senarai Singkatan .....	xii
Abstrak .....	xiii
Abstract .....	xiv

### **BAB 1 – PENGENALAN**

1.1 Pengenalan .....	1
1.2 Pernyataan Masalah .....	3
1.3 Objektif Kajian .....	6
1.4 Persoalan Kajian .....	6
1.5 Data Kajian .....	7
1.6 Skop Kajian .....	15
1.7 Metodologi Kajian .....	15
1.8 Kerangka Teori .....	17
1.9 Definisi Kerja .....	17
1.9.1 Nilai Murni .....	18
1.9.2 Ideologi .....	20
1.9.3 Ketersampaian .....	22
1.9.4 Penyarikataan .....	25
1.10 Organisasi Tesis .....	27

## **BAB 2 – KAJIAN LITERATUR, SOROTAN KAJIAN DAN KERANGKA**

### **TEORI**

2.1	Pengenalan .....	29
2.2	Penarikataan .....	30
2.2.1	Ideologi dalam filem .....	32
2.2.2	Ideologi dalam Penterjemahan .....	37
2.2.3	Penterjemahan Ideologi dalam Filem .....	39
2.3	Sikap, Nilai dan Pendidikan .....	41
2.3.1	Sikap .....	42
2.3.2	Nilai .....	44
2.3.3	Pendidikan .....	47
2.4	Nilai-nilai Murni dalam Perfileman Melayu Malaysia .....	50
2.4.1	Sebelum Kemerdekaan .....	51
2.4.2	Selepas Kemerdekaan .....	53
2.4.3	Era 2000-an .....	58
2.4.4	Filem Kajian .....	61
2.5	Kerangka Teori .....	62
2.5.1	Gabungan Pendekatan Analisis Wacana Kritis oleh Van Dijk (2001) & Fairclough (1995) .....	63
2.5.2	Teori Domain oleh Fishman (1972) .....	65
2.5.3	Gabungan Pendekatan Penterjemahan oleh Newmark (1988) dan Gambier (2009) .....	66
2.5.3(a)	Prosedur Terjemahan oleh Newmark (1988).....	67
2.5.3(b)	Pendekatan Ketersampaian dalam Terjemahan oleh Gambier (2009) .....	69

2.6	Kerangka Konseptual Kajian .....	70
2.7	Metodologi .....	73
2.7.1	Pengumpulan Data .....	73
2.7.2	Analisis Data .....	74
2.7.3	Penghuraian Data .....	77
2.8	Rumusan .....	79

### **BAB 3 – NILAI-NILAI MURNI DALAM FILEM**

3.1	Pengenalan .....	80
3.2	Wacana filem .....	81
3.2.1	Sifat makro .....	81
3.2.2	Sifat mikro .....	84
3.3	Adegan-adegan Nilai Murni .....	87
3.3.1	Domain Sekolah .....	90
3.3.1(a)	Berdikari .....	91
3.3.1(b)	Bertanggungjawab .....	94
3.3.1(c)	Hemah Tinggi .....	99
3.3.2	Domain Keluarga .....	102
3.3.2(a)	Berdikari .....	103
3.3.2(b)	Harga Diri .....	106
3.3.2(c)	Sikap Keterbukaan .....	109
3.3.2(d)	Tanggungjawab terhadap Keluarga .....	113
3.3.3	Domain Komuniti .....	115
3.3.3(a)	Amanah .....	117
3.3.3(b)	Hemah Tinggi .....	122

3.3.3(c)	Sikap Keterbukaan .....	134
3.4	Rumusan .....	140

#### **BAB 4 – TERJEMAHAN UNSUR-UNSUR VERBAL NILAI MURNI**

4.1	Pengenalan .....	142
4.2	Domain Sekolah .....	144
4.2.1	Nilai Positif .....	144
4.2.1(a)	Berdikari: Cemerlang dalam Akademik .....	144
4.2.2	Nilai Negatif .....	147
4.2.2(a)	Bertanggungjawab: Lewat .....	148
4.2.2(b)	Hemah Tinggi: Buli & Kurang Respons dalam Komunikasi .....	151
4.3	Domain Keluarga .....	154
4.3.1	Nilai Positif .....	154
4.3.1(a)	Sikap Keterbukaan: Berkongsi Resipi, Menerima Teguran & Mengajak untuk Makan atau Minum Bersama .....	155
4.3.1(b)	Tanggungjawab terhadap Keluarga: Mencari Ahli Keluarga yang Hilang.....	158
4.3.2	Nilai Negatif .....	160
4.3.2(a)	Berdikari: Kurang Mahir dalam Urusan Kerja Rumah ..	160
4.3.2(b)	Harga Diri: Berdua-duaan .....	163
4.3.2(c)	Tanggungjawab terhadap Keluarga: Hilang Semalaman .....	166
4.4	Domain Komuniti .....	168



4.4.1	Nilai Positif .....	169
4.4.1(a)	Hemah Tinggi: Bertegur Sapa & Meminjam Bahan Memasak .....	169
4.4.1(b)	Sikap Keterbukaan: Menerima Sistem Pendidikan Bangsa Lain .....	173
4.4.2	Nilai Negatif .....	175
4.4.2(a)	Amanah: Berhutang & Menyembunyikan Status Perkahwinan .....	175
4.4.2(b)	Hemah Tinggi: Bergosip, Mengejek Bangsa Lain, Menyindir Rakan .....	179
4.4.2(c)	Sikap Keterbukaan: Mencederakan Secara Sengaja & Tidak Peka terhadap Sensitiviti Adat Istiadat .....	185
4.5	Prosedur Terjemahan Pengembangan dan Pengecilan, Padanan Fungsian dan Modulasi .....	189
4.5.1	Taburan Penggunaan Prosedur Terjemahan Mengikut Domain, Nilai Murni dan Adegan .....	190
4.6	Faktor-faktor Pemilihan Kata dalam Sari Kata .....	195
4.6.1	Keutamaan Maklumat .....	196
4.6.2	Jangkaan terhadap Pengguna .....	197
4.6.3	Pengalaman Menterjemah .....	199
4.6.4	Pengetahuan Bahasa dan Budaya .....	201
4.7	Rumusan .....	207
 <b>BAB 5 – NILAI MURNI DAN KETERSAMPAIANNYA DALAM SARI KATA</b>		
5.1	Pengenalan .....	210

5.2	Analisis Ketersampaian Nilai Murni .....	212
5.2.1	Penerimaan .....	212
5.2.2	Relevan .....	214
5.2.3	Strategi Penyetempatan ( <i>domestication</i> ) .....	215
5.3	Ketersampaian Nilai Murni dalam Sari Kata .....	216
5.3.1	Domain Sekolah .....	216
5.3.1(a)	Berdikari .....	216
5.3.1(b)	Bertanggungjawab .....	222
5.3.1(c)	Hemah Tinggi .....	225
5.3.2	Domain Keluarga .....	229
5.3.2(a)	Berdikari .....	230
5.3.2(b)	Harga Diri .....	234
5.3.2(c)	Sikap Keterbukaan .....	238
5.3.2(d)	Tanggungjawab Terhadap Keluarga .....	243
5.3.3	Domain Komuniti .....	246
5.3.3(a)	Amanah .....	247
5.3.3(b)	Hemah Tinggi .....	251
5.3.3(c)	Sikap Keterbukaan .....	259
5.4	Rumusan .....	263

## **BAB 6 – KESIMPULAN**

6.1	Pengenalan .....	266
6.2	Domain Filem dan Dialog yang Mengandungi Nilai Murni .....	267
6.3	Terjemahan Unsur Verbal Nilai Murni dan Faktor Pemilihan Kata dalam Sari Kata .....	268

6.4	Ketersampaian Nilai Murni berdasarkan Sari Kata yang Dihasilkan .....	270
6.5	Rumusan .....	271
6.6	Cadangan untuk Kajian Masa Hadapan .....	275
<b>BIBLIOGRAFI .....</b>		<b>277</b>
<b>LAMPIRAN .....</b>		<b>286</b>

## SENARAI JADUAL

		<b>Halaman</b>
Jadual 2.1	Senarai Nilai Murni Kementerian Pendidikan Malaysia	46
Jadual 4.1	Penggunaan Prosedur Terjemahan Mengikut Domain dan Nilai Murni	191
Jadual 4.2	Nilai Murni dan Bilangan Unit Terjemahan Mengikut Prosedur Terjemahan	192
Jadual 4.3	Adegan Positif/Negatif dan Bilangan Unit Terjemahan Mengikut Prosedur Terjemahan	194

## SENARAI RAJAH

		<b>Halaman</b>
Rajah 1.1	Poster Filem Kajian <i>Mukhsin</i> (2007) dan <i>Talentine</i> (2009)	9
Rajah 2.1	Rangka Konseptual Ketersampaian Nilai Murni Dalam Filem <i>Mukhsin</i> dan <i>Talentine</i>	72
Rajah 3.1	Nilai-nilai Murni yang Dikenal Pasti dalam Domain Sekolah, Keluarga dan Komuniti	88

## SENARAI SINGKATAN

DSB	Domain Sekolah ( <i>School</i> ): Berdikari
DST	Domain Sekolah ( <i>School</i> ): Bertanggungjawab
DSH	Domain Sekolah ( <i>School</i> ): Hemah Tinggi
DFB	Domain Keluarga ( <i>Family</i> ): Berdikari
DFH	Domain Keluarga ( <i>Family</i> ): Harga Diri
DFK	Domain Keluarga ( <i>Family</i> ): Sikap Keterbukaan
DFT	Domain Keluarga ( <i>Family</i> ): Tanggungjawab terhadap Keluarga
DCA	Domain Komuniti ( <i>Community</i> ): Amanah
DCH	Domain Komuniti ( <i>Community</i> ): Hemah Tinggi
DCK	Domain Komuniti ( <i>Community</i> ): Sikap Keterbukaan
PP	Prosedur Pengembangan dan Pengecilan
F	Prosedur Padanan Fungsian
M	Prosedur Modulasi

**KETERSAMPAIAN NILAI MURNI DALAM PENYARIKATAAN FILEM:  
SATU KAJIAN FILEM *MUKHSIN* (2007) DAN *TALENTIME* (2009)**

**ABSTRAK**

Filem merupakan salah satu bentuk hiburan yang mempunyai pengaruh tertentu terhadap penonton. Disebabkan sifat audiovisualnya, filem yang membawa nilai murni dipercayai dapat memberi iktibar kepada penonton dengan lebih berkesan dan menyumbang kepada pembentukan masyarakat yang harmoni. Kajian ini bertujuan melihat sejauh mana nilai murni dalam dialog bahasa Melayu yang dipetik daripada filem *Mukhsin* (2007) dan *Talentine* (2009) dapat dikekalkan setelah dialihkan ke dalam bahasa Inggeris melalui sari kata. Kerangka teori yang dimanfaatkan dalam kajian ini termasuk yang dikemukakan oleh (i) Van Dijk (2001) dan Fairclough (1995) bagi analisis dialog, (ii) Fishman (1972) bagi pengenalpastian adegan nilai murni, (iii) Newmark (1988) bagi analisis terjemahan unsur verbal nilai murni, dan (iv) konsep Gambier (2009) bagi analisis ketersampaian nilai murni dalam sari kata. Tiga prosedur terjemahan yang digunakan sebagai pengukur ketersampaian nilai murni kajian ini ialah prosedur (i) pengembangan dan pengecilan, (ii) modulasi serta (iii) padanan fungsian yang masing-masing melihat aspek relevan, kebolehterimaan dan strategi penyetempatan dalam sari kata yang terpilih. Dapatan kajian mendapati, kebanyakan unit terjemahan dalam dialog yang dikenal pasti menggambarkan nilai murni telah dilakukan penyempitan maklumat, diikuti dengan pengubahan pandangan dan penghuraian maklumat. Secara keseluruhannya, pemerhatian turut mendapati terjemahan bersifat lebih natural dalam bahasa sasaran dengan penggunaan gabungan prosedur terjemahan, dan mesej nilai murni yang disampaikan dalam filem kajian dapat disalurkan kepada penonton.

**THE ACCESSIBILITY OF MORAL VALUES IN FILM SUBTITLES:  
A STUDY ON *MUKHSIN* (2007) AND *TALENTIME* (2009) FILMS**

**ABSTRACT**

Film is a form of entertainment that has certain influences on the audience. Due to the characteristics of audiovisual, it is believed that film with moral values can set example to the audience more effectively and contribute to the formation of a harmonious society. This study aims to look into the extent to which moral values in the Malay conversations from *Mukhsin* (2007) and *Talentine* (2009) films could be maintained after being transferred into English via subtitles. The theoretical framework adopted in this study including the proposals from (i) Van Dijk (2001) and Fairclough (1995) on the analysis of dialogues, (ii) Fishman (1972) for the identification of scenes of moral values, (iii) Newmark (1988) for the analysis of the translation of verbal moral values elements, and (iv) Gambier (2009) for the analysis of accessibility of moral values in the subtitles. Three translation procedures used as the measurements of accessibility of moral values in this study are (i) expansion and reduction, (ii) modulation, and (iii) functional equivalence, which observe relevance, acceptability and domestication strategies aspects respectively in the selected subtitles. It was found that most of the translation units from dialogues that presented moral values have undergone narrowing of information, followed by changing of view and elaboration of information. Overall, a translation sounds more natural in the target language with the combination of the procedures mentioned, and most of the messages of moral values in the films studied are able to be conveyed to the audience.



# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.1 Pengenalan**

Perkembangan teknologi masa ini telah menjadikan filem semakin popular dan boleh ditonton menerusi semua mod audiovisual, sama ada melalui televisyen, di panggung wayang atau secara dalam talian. Antara pengaruh filem kepada masyarakat termasuklah pengaruh artis terhadap penampilan dan perilaku golongan remaja atau terhadap sokongan pengundi dalam membuat keputusan politik, serta pengaruh isu-isu yang ditimbulkan dalam filem terhadap tumpuan dan tindakan penonton (Kumar, 2012). Hal ini kerana filem membawa nilai-nilai tertentu yang boleh mempengaruhi pemikiran dan pembangunan peribadi seseorang menerusi perbualan dan tindakan watak dalam cerita filem. Nilai-nilai murni dalam filem juga dapat membantu pembentukan sikap dan akhlak seseorang serta mendorong penajanaan pemikiran yang matang seperti yang dinyatakan Jumali (2001) mengenai nilai-nilai murni dalam novel-novel remaja. Pernyataan Jumali ini boleh diadaptasikan dalam filem kerana filem juga mengandungi plot seperti novel dan nilai murni filem disampaikan dalam bentuk audio-visual. Justeru, adegan negatif seperti masyarakat kejam, zalim, mementingkan diri, tamak, tidak berakhlak dan bersifat mengeksploitasi yang terdedah dalam filem seharusnya dipertimbangkan secara rasional agar sifat

didaktiknya jelas disampaikan dan penonton tidak terikut-ikut dengan tingkah laku negatif yang ditayangkan. Para penonton khususnya golongan kanak-kanak dan awal remaja sebaiknya diberikan bimbingan yang sewajarnya oleh ibu bapa atau penjaga agar memilih filem yang sesuai dan kawalan perlu diadakan terhadap penayangan filem yang mencelaruhan nilai murni masyarakat demi kebaikan (*Bernama*, 14 September 2012).

Penyelidikan tentang nilai murni dalam bidang perfileman bukanlah sesuatu yang baru. Nilai murni merupakan pengukur kemajuan negara, iaitu pembangunan negara tidak lengkap sekiranya masyarakatnya hanya mencapai peningkatan dari segi kemahiran tetapi tidak menunjukkan adanya pembangunan moral, nilai murni dan budi pekerti tinggi yang sewajarnya (Lee, 2011). Skop nilai dalam filem adalah luas dan bergantung kepada pemahaman penonton terhadap mesej filem dan panduan kriteria nilai murni yang digunakan. Nilai-nilai ini dijangkakan disampaikan secara tersurat atau tersirat dan boleh dikesan dari aspek positif atau negatif perlakuan watak dalam filem. Contohnya, nilai patriotisme tidak semestinya terbatas kepada filem perang sahaja. Penggunaan bahasa Melayu dalam filem tempatan juga boleh menggambarkan sesuatu filem mengandungi unsur nilai patriotisme (A. Razak, 2006). Penapisan filem yang mempengaruhi pengekal dan penyuburan nilai murni dan nilai tidak murni dalam filem-filem tempatan juga memberi kesan kepada masyarakat (Asiah, 2003).

Bab ini memuatkan perbincangan tentang pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, data kajian, skop kajian, metodologi kajian, kerangka teori, definisi kerja, dan organisasi tesis.

## 1.2 Pernyataan Masalah

Nilai murni yang diterap dalam filem boleh disalurkan melalui dialog watak dan juga sari kata. Setakat ini, tinjauan mendapati belum ada kajian yang pernah diadakan untuk meninjau sari kata bahasa Melayu-bahasa Inggeris selain kajian tentang animasi *Budak Lapok* (2007) oleh Puteri Roslina & Wan Halizawati (2013). Kebanyakan kajian yang dilakukan sebelum ini, misalnya kajian Wan Amizah (1998), Hasuria (2006), Radiah & Hasuria (2009) dan Sarinah & Kulwindr Kaur (2009, 2011) menyentuh tentang sari kata dalam bahasa Melayu dan bukannya sari kata dalam bahasa Inggeris dengan bahasa Melayu sebagai bahasa sumber. Malahan, contoh-contoh yang digunakan dalam panduan menterjemah sari kata (Ainon & Abdullah, 2000; Wan Amizah, 2007; Wan Ida Rahimah, 2007; Mariam, 2007) juga membincangkan terjemahan bahasa Inggeris-bahasa Melayu sahaja. Tambahan pula, berikutan dengan perkembangan zaman dan pengaruh sosial, bahasa Melayu yang juga bahasa kebangsaan kita turut mengalami perubahan. Pertuturan bahasa Melayu oleh bangsa yang berlainan seperti Melayu, Cina, India dan lain-lain sedikit sebanyak dipengaruhi bahasa ibunda masing-masing dan pembauran kod yang biasa hadir dalam pertuturan seharian masyarakat yang berbilang kaum ini secara umumnya tidak boleh dijangkakan untuk mematuhi tatabahasa bahasa Melayu baku seperti yang dikemukakan dalam *Tatabahasa Dewan* (2006). Lantaran pentingnya penyerapan nilai murni dalam filem, analisis terhadap sari kata bahasa Inggeris dalam filem bahasa Melayu yang pada masa sama melibatkan nilai murni dilihat sebagai satu aspek baru yang sesuai untuk dikaji dalam penterjemahan sari kata.

Filem tempatan kita semakin berkembang tetapi nilai murni yang diselit dalam filem sering dipersoalkan. Pada tahun 2012, pensyarah filem, Hassan Mutalib menyatakan kebanyakan filem tempatan hanya dibuat untuk keseronokan dan nilai yang baik dalam isi filem adalah agak berkurangan (dalam *Wanda*, 2012). Perfileman tempatan masih berada pada tahap kurang memuaskan apabila isu ini dibangkitkan lagi dua tiga tahun kemudian oleh kolumnis *Utusan Malaysia*, Siti Jarum atau nama sebenarnya Ku Seman Ku Hussain (*Utusan Online*, 8 Jun 2014) dan Naib Presiden Persatuan Sutradara Malaysia (FDAM), Syed Zulkifli Syed Masir (*Sinar Online*, 25 Julai 2015).

Dengan kata lain, sebuah filem yang baik sepatutnya turut mengutamakan nilai murni. Oleh itu, sebagai perwakilan kepada filem, sari kata perlu menyampaikan bukan sahaja elemen hiburan tetapi juga nilai murni atau pengajaran yang disalurkan dalam sesebuah filem. Sebagai contoh, walaupun bergenre aksi komedi, didapati filem *Chinese Zodiac 2012* (2012) arahan Jackie Chan atau singkatannya *CZ12* yang mengisahkan misi pencarian arca gangsa 12 haiwan zodiak Cina yang hilang juga menyelit kata-kata yang wajar untuk direnung oleh penonton. Berikut merupakan dua contoh dialog yang dipetik daripada filem yang memenangi kategori Koreografi Aksi Terbaik dalam Anugerah Filem Hong Kong Ke-32 ini dan padanan bahasa Melayunya yang diperoleh daripada laman web [https://www.youtube.com/watch?v=NceKpiKXO\\_A](https://www.youtube.com/watch?v=NceKpiKXO_A):

- (i) Dialog di bawah menyentuh etika kerja dan sikap amanah semasa melakukan sesuatu:

---

*Chinese Zodiac 2012 (masa 17:28-17:32)*

---

Teks sumber : 不行。做我们记者的，要有根据的才能报导。不能哗众取宠，夸张事实。

Transliterasi : buxing. zuo women jizhe de, yao you genju de caineng baodao. buneng huazhongquchong, kuazhang shishi.

Glos : tidak boleh./sebagai/kami/wartawan/kata abstrak./perlu/ada/bukti/kata abstrak/baru boleh/melapor./tidak boleh/menggunakan kata-kata yang melebihi-lebihkan untuk mengambil hati orang ramai atau mendapatkan kepercayaan dan sokongan orang lain/membesar-besarkan/fakta/.

Sari kata : Tak boleh. Sebagai wartawan, kami hendak melapor sesuatu yg ada bukti. Tak boleh menokok tambah dan mengada-ada.

---

(ii) Dialog di bawah mengingatkan penonton untuk menghargai apa-apa yang mereka ada sebelum terlambat:

---

*Chinese Zodiac 2012 (masa 35:22-35:25)*

---

Teks sumber : *Things are only treasured after they have disappeared.*

Sari kata : Org selalunya hanya tahu menghargai benda yg hilang.

---

\* Nota: Lazimnya, singkatan jarang digunakan dalam penyarikataan.

Filem merupakan pseudo realiti dan membawakan informasi yang pelbagai. Oleh itu, dialog merupakan representasi dunia sebenar dan nilai-nilai masyarakat boleh dikenal pasti melalui pertuturan atau perbuatan dalam filem. Dalam kajian ini, dialog menjadi fokus kerana nilai-nilai masyarakat banyak dikomunikasikan melalui dialog-dialog dalam filem.

Kajian terhadap sari kata bahasa Melayu-bahasa Inggeris masih baru dalam bidang penyarikataan. Sehingga kini, selain daripada kajian oleh Puteri Roslina & Wan Halizawati (2013) yang melihat penggunaan *foreignization* dalam sari kata bahasa Inggeris filem animasi tempatan *Budak Lapok* (2007) arahan Anwardi Jamil, belum ada kajian lain yang dibuat terhadap sari kata pasangan bahasa ini atau kajian sari kata dari perspektif nilai murni sesebuah filem. Maka, timbul persoalan apakah kualiti filem tempatan kita dari segi nilai murni dan sari katanya? Adakah sari kata

bahasa Inggeris dapat membantu menyalurkan nilai murni dialog bahasa Melayu kepada khalayak sasaran melalui penggunaan prosedur terjemahan tertentu? Mungkinkah penyari kata terlepas pandang nilai murni yang diselit dalam filem? Untuk menjawab persoalan-persoalan ini, kajian ini akan dijalankan dengan mengkaji dialog-dialog terpilih daripada filem tempatan bahasa Melayu yang menggambarkan nilai murni dan penelitian akan dibuat terhadap sari kata bahasa Inggeris sebagai padanan nilai murni yang dikenal pasti.

### **1.3 Objektif Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk:

- (i) Menenal pasti adegan filem yang mengandungi nilai murni dan meneliti padanan sari katanya berdasarkan domain,
- (ii) Membandingkan dialog asal dengan sari kata yang dihasilkan dan menghuraikan faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan prosedur terjemahan dalam sari kata, dan
- (iii) Menghuraikan implikasi penghasilan terjemahan terhadap penyaluran nilai murni dalam filem yang dipilih.

### **1.4 Persoalan Kajian**

Persoalan-persoalan yang dikaji ialah:

- (i) Adegan manakah dalam domain filem yang dipilih mengandungi nilai murni dan apakah dialog asal yang mengiringinya?
- (ii) Apakah padanan terjemahan unsur-unsur verbal nilai murni dalam adegan filem yang dikaji dan apakah faktor pemilihan kata dalam sari kata?
- (iii) Apakah implikasi sari kata yang dihasilkan terhadap ketersampaian nilai murni dalam filem yang dikaji?

## 1.5 Data Kajian

Kajian dilakukan ke atas:

- (i) Dua filem arahan Yasmin Ahmad, iaitu filem *Mukhsin* (2007) dan filem *Talentine* (2009);
- (ii) Adegan yang dikenal pasti mengandungi nilai murni, dialog yang hadir bersama-sama nilai murni, dan sari kata yang tersedia untuk dialog asal dalam adegan terpilih tersebut.

Bakat Yasmin Ahmad dalam penyebaran kepentingan persefahaman dalam kalangan anggota masyarakat yang pelbagai kaum dan budaya terbukti melalui karya iklan dan filem beliau yang menjadi topik perbualan masyarakat sehingga sekarang kerana idea yang disampaikan masih relevan dengan kehidupan kita (*New Straits Times*, 11 September 2016). Oleh itu, filem-filem oleh Yasmin Ahmad dilihat sebagai data kajian yang penting dan sesuai dengan objektif kajian yang memberi tumpuan terhadap nilai murni ini.

Antara enam filem arahan Yasmin Ahmad, filem *Mukhsin* (2007) dan *Talentine* (2009) dipilih sebagai data kajian kerana dua filem ini mengandungi lebih banyak dialog dalam bahasa Melayu dan padanan sari kata dalam bahasa Inggeris dan ciri-ciri ini bertepatan dengan skop kajian, yang memberi tumpuan kepada penterjemahan daripada bahasa Melayu kepada bahasa Inggeris, serta bagaimanakah elemen nilai murni dalam budaya masyarakat Malaysia cuba disampaikan kepada penonton yang tidak memahami bahasa Melayu. Pemerhatian menunjukkan bahawa 64 adegan daripada 68 adegan filem *Mukhsin* didapati mengandungi dialog bahasa Melayu. Sebanyak 14 daripada 64 adegan itu menggambarkan komunikasi yang berlaku menerusi penggunaan campuran bahasa Melayu, bahasa Cina dan bahasa Inggeris (pembauran kod) (Lampiran A). Dalam filem *Talentine* pula, 38 adegan daripada 62 adegan mengandungi dialog bahasa Melayu dengan 32 daripada 38 adegan itu menggunakan campuran bahasa Melayu, bahasa Cina, bahasa Inggeris dan bahasa Tamil (Lampiran B) dalam perbualan pelakon-pelakonnya. Kebanyakan dialog ini diberi padanan sari kata dalam bahasa Inggeris yang memenuhi salah satu daripada skop kajian ini.

Kedua-dua filem ini disasarkan untuk penonton tempatan manakala sari kata yang disediakan adalah untuk penonton yang berbahasa Inggeris dan boleh juga digunakan di peringkat antarabangsa. Hal ini boleh dibuktikan dengan anugerah atau pengiktirafan antarabangsa yang diterima oleh filem-filem ini. Rajah 1.1 menunjukkan poster iklan dua filem ini.





Rajah 1.1: Poster Filem Kajian *Mukhsin* (2007) dan *Talentine* (2009)

Berikut dikemukakan sinopsis untuk dua filem yang dikaji ini:

### Sinopsis Filem

- ***MUKHSIN* (2007)**

Penerbit : Grand Brilliance Sdn. Bhd.

Pengarah: Yasmin Ahmad

Pelakon : Mohd Syafie Naswip (Mukhsin), Sharifah Aryana (Orked), Sharifah Amani (Orked dewasa), Sharifah Aleya (Mak Inom), Adibah Noor (Kak Yam)

Genre : Komedi / Drama / Keluarga

Kategori: Umum

Durasi : 94 minit

Sari kata: Bahasa Inggeris, bahasa Melayu, bahasa Cina

Filem *Mukhsin* (2007) menceritakan kisah cinta pertama Mukhsin, 12 tahun, dengan Orked, 10 tahun. Cerita ini juga menyelitkan pelbagai karakter masyarakat di sekeliling kehidupan Mukhsin dan Orked. Mukhsin yang berasal daripada keluarga yang kurang sempurna bercuti di kampung makciknya, Kak Senah. Abangnya, Hussein seorang yang panas baran dan selalu mengkritik [contoh negatif nilai hemah tinggi]. Makcik mereka, Kak Senah berasa senang hati apabila melihat Mukhsin bertambah ceria selepas berkawan dengan Orked, anak seorang kenalannya. Hubungan Kak Senah dengan keluarga Orked amat baik dan sentiasa berkirim salam [contoh positif nilai hemah tinggi]. Orked pula sebaliknya membesar dalam keluarga yang bahagia. Ayahnya, Pak Atan menghantarnya belajar di sekolah Cina [contoh positif nilai sikap keterbukaan]. Namun, Ayu dan budak-budak perempuan lain selalu bergosip mengenai keluarga Orked [contoh negatif nilai hemah tinggi]. Hal ini menyebabkan Orked lebih gemar untuk bermain dengan budak-budak lelaki. Kelakuan Orked juga agak kasar seperti budak lelaki dan berani menampilkan diri untuk membantu budak yang dibuli. Jiran Orked pula, Timah dan Rozie mempunyai perwatakan yang berbeza. Timah sudi menghulurkan bantuan apabila Kak Yam, pembantu rumah keluarga Orked meminta sedikit bahan memasak daripadanya [contoh positif nilai hemah tinggi]. Sebaliknya, Rozie, juga ibu kepada Ayu, selalu mencari kesalahan keluarga Orked malah mengajar Ayu untuk menyindir mereka [contoh negatif nilai hemah tinggi] apabila Pak Atan tidak membayar ansurans barangan rumah yang dibelinya [contoh negatif nilai amanah]. Sikap Rozie ini tidak disenangi suaminya, Pak Man Koboi. Dalam diam-diam, Pak Man Koboi berkenalan dengan perempuan lain tanpa memberitahu dia sudah berkahwin [contoh negatif nilai amanah]. Berbalik kepada Mukhsin dan Orked, lama-kelamaan Mukhsin mula menyimpan rasa sayang terhadap Orked yang sebenarnya masih mentah untuk

bercinta. Akan tetapi, hubungan mereka terjejas akibat sindiran rakan-rakan lain terhadap Orked [contoh negatif nilai hemah tinggi] yang terlalu rapat dengan budak-budak lelaki semasa bermain dalam permainan galah. Persahabatan mereka akhirnya putus dan tinggal kenangan apabila Mukhsin balik semula ke rumahnya selepas cuti sekolah tamat.

- ***TALENTIME (2009)***

Penerbit : Grand Brilliance Sdn. Bhd.

Pengarah: Yasmin Ahmad

Pelakon : Mahesh Jugal Kishor (Mahesh), Pamela Chong (Melur), Mohd Syafie Naswip (Hafiz), Howard Hon Kahoe (Kahoe), Jaclyn Victor (Bhavani), Azean Irdawaty (Embun), Harith Iskander (Abah), Ida Nerina (Datin Kalsom), Adibah Noor (Cikgu Adibah), Jit Murad (Ismael), Sukania Venugopal (Amma), Elza Irdalynna (Mawar), Mislina Mustaffa (ibu Melur), Tan Mei Ling (Mei Ling), Susan Ann Chong (Granny), Redzuan Adamshah (Uncle Ganesh)

Genre : Drama

Kategori: Umum

Durasi : 115 minit

Sari kata: Bahasa Inggeris, bahasa Melayu

Filem *Talentine* (2009) pula berkisar tentang pertandingan pencarian bakat yang membabitkan cinta salah seorang peserta kacukan Melayu-Inggeris, Melur dengan seorang pelajar India yang ditugaskan untuk menghantarnya ke sesi latihan, Mahesh. Filem ini turut memaparkan kisah persahabatan dua orang lagi peserta yang bernama Hafiz dan Kahoe yang masing-masing berbangsa Melayu dan Cina. Pada mulanya, Mahesh yang sentiasa mendiamkan diri disalah anggap Melur sebagai bersikap

dingin [contoh negatif nilai hemah tinggi]. Setelah diberitahu oleh Hafiz tentang masalah pendengaran yang dihadapi oleh Mahesh, barulah Melur mula mengubah pandangan terhadapnya dan hubungan mereka semakin akrab. Melur dan Mahesh selalu keluar awal daripada rumah tetapi tidak hadir ke sesi latihan tepat pada waktunya [contoh negatif nilai bertanggungjawab] kerana mereka pergi ke tempat lain sebelum itu. Pada suatu hari, Melur ditegur pembantu rumahnya, Mei Ling kerana berada di luar rumah bersama Mahesh pada waktu malam tanpa ditemani orang lain [contoh negatif nilai harga diri]. Mahesh kemudian diajak untuk makan bersama-sama keluarga Orked tetapi tertidur di rumah Orked selepas itu [contoh positif nilai sikap keterbukaan]. Akibat tidak balik semalaman [contoh negatif nilai tanggungjawab terhadap keluarga], ibu Mahesh amat risau dan kakak Mahesh, Bhavani tercari-cari akan adiknya [contoh positif nilai tanggungjawab terhadap keluarga]. Perhubungan Mahesh dan Melur dibantah oleh ibu Mahesh, lebih-lebih lagi bapa saudara Mahesh, Ganesh baru terbunuh dalam satu pergaduhan yang melibatkan kaum India dan Melayu pada hari perkahwinannya [contoh negatif nilai sikap keterbukaan]. Ibu Melur sebaliknya tidak mencampuri hal ini. Perbezaan bangsa, agama dan darjat tidak menjadi isu baginya, malah hubungan ibu Melur dengan pembantu rumahnya yang berbangsa Cina amat baik. Mereka selalu berkongsi pendapat serta makan dan minum bersama-sama [contoh positif nilai sikap keterbukaan]. Dengan adanya bantuan Mei Ling dalam keluarga Melur, Melur dan adik-adiknya, Mawar dan Melati yang tidak biasa melakukan kerja rumah dan sentiasa bergantung kepada pembantu rumah ini [contoh negatif nilai berdikari]. Keadaan ini berlainan pula dengan Hafiz yang perlu menguruskan segalanya sendiri termasuk menjaga ibunya yang sakit [contoh positif nilai berdikari]. Ketabahan dan kemampuan Hafiz sering dipersoalkan, terutamanya rakan sekelasnya, Kahoe.

Walaupun dituduh meniru, Hafiz kemudian berjaya membuktikan dirinya tidak bersalah dalam ujian tambahan yang diberikan oleh cikgu [contoh positif berdikari]. Pada malam pertandingan Talentime, Kahoe yang menyedari kesilapannya itu membantu Hafiz yang baru kehilangan ibu dalam menjayakan persembahannya, mula berbaik-baik dan menamatkan hubungan mereka yang renggang selama ini. Sementara itu, Melur pula tidak menghabiskan persembahannya berikutan gangguan emosi selepas hubungannya dengan Mahesh dibantah ibu Mahesh.

### **Biodata Ringkas Yasmin Ahmad (7 Januari 1958 - 25 Julai 2009)**



(sumber gambar: <https://www.columnlife.com>)

- Yasmin Ahmad merupakan seorang penulis skrip dan pengarah filem. Beliau juga merupakan Pengarah Eksekutif Kreatif di agensi pengiklanan Leo Burnett, Kuala Lumpur. Kreativiti beliau ditunjukkan dengan jelas dalam memaparkan unsur kasih sayang antara budaya dan semangat muhibah dalam masyarakat. Sentuhan kreatif ini dapat dilihat menerusi iklan yang terkenal, iaitu iklan komersial Petronas musim perayaan utama yang menyentuh hati, seperti *Ombak Jahat* (2001) dan *Aku Ingin Pulang* (2006) sempena Hari Raya Aidilfitri, *Once Were Rivals* (2003) sempena Tahun Baru Cina, *Suparjo & Raju* (2004-2005) sempena Hari Deeparaya, *Percintaan Tan Hong Ming* (2007) sempena Hari Kemerdekaan dan lain-lain. Filem-filem arahan beliau pula termasuk *Rabun*

(2004), *Sepet* (2005), *Gubra* (2006), *Mukhsin* (2007), *Muallaf* (2009) dan *Talentine* (2009).

- Walaupun sifat keterbukaan beliau dalam memuatkan pandangan terhadap isu sosial dalam perfileman telah menimbulkan kontroversi kepada sesetengah pihak, hasil kerja beliau mendapat pengiktirafan dari dalam dan juga luar negara. Misalnya, filem *Sepet* (2005) telah memenangi Filem Terbaik pada Anugerah Video Malaysia ke-9, Festival Filem Wanita Creteil Antarabangsa ke-27 di Perancis, Festival Filem Malaysia ke-18, Anugerah Seni Emas Cina Global dan Anugerah Era 2005 serta Filem Terbaik Asia pada Festival Filem Antarabangsa Tokyo ke-18 (*Berita Harian*, 9 November 2005); Filem *Mukhsin* (2007) telah memenangi Hadiah Utama Juri Antarabangsa dan Hadiah Kedua Juri Muda pada Festival Filem Antarabangsa Berlin ke-57 di Jerman (*Berita Harian*, 18 Februari 2007); Filem *Talentine* (2009) telah memenangi Anugerah Filem Terbaik SEA pada Festival Filem Antarabangsa Cinemanila ke-11 di Filipina, Anugerah Utama Juri pada Festival Filem Antarabangsa Bangkok serta Pengarah Terbaik dan Lakon Layar Terbaik pada Festival Filem Malaysia ke-22 (Elrafaei Sapi, 2009) dan sebagainya.
- Yasmin, bukan sahaja berbakat dalam bidang filem, puisi, matematik, piano, fotografi, gitar, nyanyian dan lukisan, malah sentiasa berfikiran positif, rendah hati, berpegang teguh dalam agama dan bersifat penyayang (Orked & Jovian, 2012). Beliau juga telah dinobatkan sebagai Pengarah Terbaik melalui filem terakhir beliau, *Muallaf*, pada Festival Filem Asia Pasifik (FFAP) ke-54 di Taipei (Nurqalby, 2010). Untuk mengenang jasa beliau dalam industri perfileman, Anugerah Yasmin Ahmad telah diperkenalkan pada Anugerah Skrin

2009 sebagai galakan kepada bakat-bakat baru yang berpotensi tinggi dalam arena lakonan dan perfileman (*Harian Metro*, 2 Disember 2009).

## **1.6 Skop Kajian**

Kajian ini memberikan tumpuan kepada perkara-perkara berikut:

- (i) Hanya dua filem dikaji, iaitu filem *Mukhsin* (2007) dan filem *Talentine* (2009),
- (ii) Semua dialog dalam filem ditelitikan,
- (iii) Dialog atau data yang relevan dikategorikan dalam nilai murni mengikut domain terpilih, dan
- (iv) Sari kata bahasa Inggeris sahaja dikaji.

## **1.7 Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan kaedah kajian yang berbentuk kualitatif dan deskriptif.

Kaedah kajian sebegini dipilih berdasarkan beberapa faktor:

- (i) Data kajian berbentuk dialog yang terdiri daripada elemen kebahasaan seperti perkataan, frasa dan ayat.
- (ii) Pemerhatian dan penelitian menyelidik diperlukan untuk mengkaji data, dan interpretasi data dijelaskan secara deskriptif.

- (iii) Data dipilih berdasarkan kerangka nilai murni yang terpilih dan adegan-adegan daripada domain yang turut dikenal pasti terdapat dalam penceritaan filem.

Filem kajian ialah filem Malaysia, maka kerangka yang digunakan untuk mengenal pasti nilai murni ini adalah berasaskan kerangka yang digariskan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (2003). Mulai 12 Ogos 2013, walaupun nama KPM telah bertukar daripada Kementerian Pelajaran Malaysia kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, senarai nilai murni yang digunakan dalam sukatan pelajaran hari ini tetap sama. Nilai-nilai yang dikenal pasti ialah nilai (i) amanah, (ii) berdikari, (iii) bertanggungjawab, (iv) harga diri, (v) hemah tinggi, (vi) sikap keterbukaan, dan (vii) tanggungjawab terhadap keluarga. Adegan-adegan yang menggambarkan nilai-nilai murni ini kemudian disusun mengikut domain yang berasaskan teori yang dikemukakan oleh Fishman (1972).

Teks lisan dan sari kata seterusnya diteliti dan dianalisis mengikut tatacara berikut:

- (i) Struktur wacana teks sumber dikenal pasti secara struktur makro dan mikro berlandaskan pandangan Van Dijk (2001).
- (ii) Nilai murni yang hadir dalam data kemudian dikenal pasti dan ditelitikan. Pemilihan mesej penyaluran nilai murni ini melibatkan praktis sosiobudaya dan nilai-nilai murni yang dikemukakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (2003).
- (iii) Padanan terjemahan untuk sampel yang dikenal pasti seterusnya diikaji berdasarkan prosedur terjemahan oleh Newmark (1988). Perbincangan bahagian ini akan dilakukan mengikut praktis wacana oleh Fairclough



(1995) untuk menentukan sama ada terjemahan (sari kata) yang dihasilkan dapat mengekalkan nilai sebagaimana yang ada dalam dialog asal. Ketersampaian nilai murni dalam sari kata kemudian dihuraikan dan dinilai berdasarkan konsep Gambier (2009).

## **1.8 Kerangka Teori**

Untuk menjayakan analisis yang akan dijalankan, beberapa kerangka teori dan pendekatan telah dikenal pasti relevan dengan kajian ini. Kerangka teori yang digunakan dalam kajian ini ialah:

- (i) Gabungan pendekatan Analisis Wacana Kritis oleh Van Dijk (2001) dan Fairclough (1995),
- (ii) Teori Domain oleh Fishman (1972),
- (iii) Gabungan pendekatan terjemahan oleh Newmark (1988) dan Gambier (2009).

## **1.9 Definisi Kerja**

Beberapa konsep penting akan digunakan dalam penulisan ini. Konsep-konsep ini ialah:

### 1.9.1 Nilai Murni

Wacana yang berbentuk audiovisual merupakan contoh yang paling hampir dengan penonton (Hasuria, 2006), oleh itu nilai-nilai murni mudah untuk disampaikan kepada penonton. Penerapan nilai murni ini juga dilihat lebih berkesan sekiranya contoh-contoh dipaparkan secara visual. Iklan-iklan yang ditayang di televisyen juga merupakan satu kaedah penyampaian yang baik dalam hal-hal yang berkaitan dengan nilai murni. Antaranya seperti iklan *Ada Yang Melihat* (2012) yang dihasilkan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS) dengan kerjasama Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia (KPKK) untuk stesen televisyen tempatan (juga boleh dilihat melalui pautan <https://www.youtube.com/watch?v=8iWktEQRZaI>). Iklan ini menunjukkan bahawa amalan nilai murni pada kehidupan harian adalah penting kerana segala tingkah laku akan dilihat dan dijadikan ikutan generasi yang lebih muda, seperti amalan yang tidak baik seperti membuang sampah di merata tempat, bercakap kasar, tidak bertimbang rasa, mencuri wang atau melakukan kerja sambil lewa. Di sebalik pemaparan amalan buruk ini, iklan ini sebenarnya menyarankan penonton untuk menjaga persekitaran, berbuat baik dengan orang tua dan lain-lain.

Menurut ahli psikologi sosial, Rokeach (1973) nilai murni boleh dibahagikan kepada nilai instrumental (*instrumental values*) dan nilai akhir (*terminal values*). Nilai instrumental ialah nilai asas untuk mencapai nilai akhir, contohnya, amanah, bertanggungjawab, pemurah dan lain-lain. Nilai akhir pula merujuk hasil yang diperoleh daripada amalan nilai instrumental, contohnya, ketenangan, kebebasan, keharmonian dan lain-lain. Beliau mentakrifkan nilai sebagai: “prinsip abstrak, positif atau negatif, yang tidak terikat kepada sebarang objek atau keadaan tertentu

dan mewakili kepercayaan seseorang tentang mod kelakuan dan matlamat akhir yang ideal” (Rokeach dalam Connor & Becker, 1979: 72). Nilai juga penting dalam membentuk sikap dan tingkah laku yang diterima umum kerana nilai ialah kepercayaan global terhadap keadaan akhir yang dikehendaki (Connor & Becker, 1979).

Ibrahim Nor (2005: 65) menyimpulkan nilai murni sebagai: “percambahan sikap mental terhadap suatu konsep yang mengandungi unsur moral yang berkaitan dengan gemar ataupun tidak gemar, wajib ataupun tidak wajib, dan patut ataupun tidak patut ... mengandungi ciri-ciri yang berasaskan unsur moral dan seiring dengan kehendak agama ... wujud dalam pemikiran dan jiwa”. Pendek kata, nilai murni ditentukan berlandaskan prinsip yang dilihat sesuai dan dapat memberi kebaikan kepada semua pihak.

Daripada definisi-definisi di atas, nilai murni dapat dikenal pasti sebagai **dasar kelakuan yang menjadi piawaian akhlak yang dipercayai berupaya mengeratkan hubungan manusia dan membawa kesejahteraan kepada masyarakat sekiranya diamalkan dalam interaksi seharian**. Takrifan ini akan digunakan bersama dengan definisi yang dikemukakan Kementerian Pelajaran Malaysia (2003) sebagai kerangka teori dalam kajian ini untuk mengesan nilai murni dalam isu sosial serta elemen komunikasi dan hubungan sosial dalam filem-filem yang dikaji.

### 1.9.2 Ideologi

Perkataan 'ideologi' adalah berdasarkan penerangan *Kamus Dewan Edisi Keempat* ialah "fahaman (ajaran) yang dipakai atau dicita-citakan untuk dasar pemerintahan dan lain-lain" (2013: 559). Mengikut *The American Heritage Dictionary of the English Language* (2017), ideologi bermaksud ajaran atau kepercayaan yang membentuk asas sistem politik, ekonomi dan lain-lain. *Sociology Dictionary* (2008) pula menjelaskan ideologi sebagai sesuatu idea atau kefahaman yang berfungsi untuk menjustifikasikan dan mendukung kepentingan kumpulan atau organisasi tertentu.

Menurut Freedon (2007: 111), ideologi bukan sebarang kefahaman yang dikongsi bersama dalam kalangan masyarakat seperti pengetahuan sosiobudaya atau sikap sosial, tetapi kefahaman yang lebih asas atau telah jelas kebenarannya yang mampu mengawal kefahaman lain.

Zainuddin (2011) menjelaskan bahawa ideologi ialah sebahagian daripada idea atau kefahaman tertentu yang lazimnya berasal daripada sesetengah atau keseluruhannya daripada pandangan dunia masyarakat atau juga paradigma sosial yang berkembang dalam masyarakat tersebut yang kemudian diubah suai menjadi kehendak masyarakat yang berkaitan untuk mencapai tujuan-tujuan sosial tertentu.

Taufik Agung Widodo (2009) menyatakan bahawa dalam konteks media, ideologi mempamerkan realiti dan konotasinya lebih luas daripada persoalan politik. Menurut beliau, filem membawa pandangan golongan tertentu dan ideologi disampaikan melalui filem secara halus dan mengandungi unsur paksaan.

Ideologi yang didukung oleh Yasmin Ahmad, dan dimanifestasikan menerusi filem-filem arahnya ialah integrasi kaum (Ilham, Zul, Arham, Fitree, 2011). Hal ini dapat dilihat daripada isu perkauman yang dimuatkan dalam filem-filem beliau. Dalam filem *Mukhsin* (2007), beliau memaparkan kehidupan harian rakyat Malaysia di sebuah kampung dan masalah sosial yang dihadapi. Dalam filem *Talentine* (2009) pula, isu perbezaan adat, bangsa dan agama diketengahkan. Konflik yang masih wujud dalam masyarakat kini turut digambarkan. Contohnya, selain daripada filem *Mukhsin* dan *Talentine* yang dipilih, filem-filem lain arahan Yasmin turut mengemukakan konflik keluarga seperti ketidaksetiaan terhadap pasangan (dalam filem *Gubra*) dan ketegangan sesama ahli keluarga (dalam filem *Muallaf*) serta dugaan dalam percintaan (dalam filem *Sepet*). Dengan ini, dapat diringkaskan bahawa kesemua filem Yasmin Ahmad mencerminkan kepentingan perpaduan dan sikap bermaaf-maafan demi keharmonian bersama. Mesej penting yang ingin disampaikan menerusi filem-filem tersebut adalah, manusia perlu sekali mengawasi sikap dan tingkah laku sendiri untuk mengelakkan berlakunya konflik dalam kehidupan seharian. Teman dan rakan sekerja arwah Yasmin Ahmad, Eugene Yong dalam mengingati kembali tindakan Yasmin Ahmad, mengulang pengucapan yang pernah diujarkan oleh Yasmin, “Saya memecat pelanggan itu kerana mereka membuat kenyataan perkauman” (dalam Orked & Jovian, 2012: 12). Tindakan ini jelas menunjukkan betapa seriusnya Yasmin dalam hal-hal yang berkaitan dengan kesejahteraan perhubungan sesama kaum dalam kehidupan bermasyarakat di Malaysia.

Walaupun filem-filem yang dihasilkan oleh Yasmin adalah sekitar tahun 2004-2009, manakala filem *Mukhsin* dan *Talentine* pula diterbitkan pada tahun 2007 dan 2009,

hasil karya dan kesungguhan beliau dalam seni perfileman tetap diingati dan dibincangkan dalam media massa sekarang, ternyata ideologi atau aliran pemikiran Yasmin Ahmad itu masih amat relevan dengan kehidupan masyarakat semasa. Justeru, filem *Mukhsin* (2007) dan *Talentine* (2009) dipilih sebagai bahan kajian. Ideologi yang akan ditelitikan dalam kajian ini adalah berdasarkan babak filem yang dijangka berpotensi untuk membangkitkan kesedaran nilai-nilai murni dan dijadikan renungan bersama melalui perbandingan dialog asal dan padanan sari katanya.

### **1.9.3 Ketersampaian**

‘Ketersampaian’ merupakan konsep penting yang akan ditelitikan dalam kajian ini. Perkataan ‘ketersampaian’ atau ‘*accessibility*’ dalam bahasa Inggeris dan turut bersinonim dengan perkataan ‘*convenience*’ (kemudahan), ‘*user-friendliness*’ (mesra pengguna), ‘*openness*’ (keterbukaan), ‘*availability*’ (ketersediaan), ‘*approachability*’ (kebolehcapaian), ‘*receptiveness*’ (keterbukaan), ‘*ease of access*’ (perihal mudah diakses), ‘*ease of understanding*’ (perihal mudah difahami) dan ‘*ease of use*’ (perihal mudah diguna). Sebagaimana perkataan ketersediaan, semua sinonim ini lazimnya digunakan untuk merujuk kualiti sesuatu perkhidmatan atau produk.

Pada konteks asal, perkataan ‘ketersampaian’ berkaitan dengan ketersediaan sesuatu perkhidmatan untuk membantu golongan kurang upaya. Gambier (2006, 2009) menyatakan ‘ketersampaian’ secara umum merujuk ketercapaian kemudahan untuk keperluan golongan ini. Menurut Remael (2012: 95), konsep ketersediaan pada umumnya merujuk “tahap sesuatu produk, perkhidmatan, persekitaran, konsep atau orang yang boleh digunakan, dicapai, difahami atau diakses bagi sesuatu tujuan tertentu”.

Berikutan dengan perkembangan dunia yang semakin mengutamakan keperluan dan hak manusia, istilah ‘ketersampaian’ membawa definisi yang lebih luas dan mendalam. Berkenaan dengan konteks moden, Neves (2007: 89) menyatakan “istilah *accessibility* tidak lagi merujuk perkhidmatan khusus kepada golongan kurang upaya tetapi sebagai penyelesaian yang mengambil kira keperluan semua individu, termasuk mereka yang memerlukan bantuan khas”. Diaz-Cintas et al. (2007: 13) menjelaskan “pada zaman informasi dan komunikasi teknologi ini, ketersediaan lebih cenderung merujuk peluang semua orang untuk mengakses dan mengguna produk teknologi dan maklumat termasuk mereka yang mempunyai masalah fizikal atau teknologi”. Remael (2012) pula berpendapat bahawa konsep ini dikaitkan dengan sejauh mana dunia dapat diakses tanpa halangan fizikal atau mental. Gambier (2006, 2009) pula melihat ciri-ciri mesra pengguna yang tersedia dalam peralatan teknologi sebagai ketersediaan yang ada dalam industri komputer dan teknologi. Misalnya, perisian, laman web dan aplikasi yang mengambil kira keselesaan pengguna dan kelancaran proses penggunaan, dinilai sebagai mempunyai ketersediaan yang tinggi kerana pengguna mendapat manfaat daripadanya.

Ketersampaian dan terjemahan adalah saling berkaitan. Menurut Diaz Cintas et al. (2007: 13-14), “ketersampaian ialah bentuk terjemahan manakala terjemahan ialah bentuk ketersediaan, menyatukan semua kumpulan populasi dan memastikan acara budaya, dalam pengertiannya yang paling umum, dapat dikongsi bersama”. Dengan kata lain, kedua-dua ketersediaan dan terjemahan mempunyai fungsi dan matlamat yang sama, iaitu menyampaikan maklumat bahasa sumber secara berkesan kepada pengguna termasuk acara budaya.

Salah satu kemudahan yang tersedia dalam mencapai ketersampaian filem adalah melalui sari kata. Sari kata bukan sahaja membolehkan penonton membaca dialog yang diujar, malah juga boleh membantu penonton yang tidak memahami dialog sumber dengan menyampaikan dialog sumber dalam bahasa sasaran mereka. Namun, cabaran dalam penghasilan sari kata ialah sari kata hanya dapat memberi maklumat inti kepada pengguna dan tidak dapat memenuhi keperluan semua orang terutamanya golongan kurang upaya pendengaran. Hal ini kerana selain mencari padanan yang sesuai, makna tersirat dalam dialog tertentu yang disampaikan menerusi kesan bunyi, muzik dan suara penutur sukar atau tidak dapat dipindahkan ke dalam sari kata untuk memberi kesan mesej yang sama kepada golongan ini (Neves, 2007).

Dalam konteks penyarikataan, Gambier (2006: 4) menjelaskan ketersampaian sebagai kemudahan audiovideo atau produk elektronik yang memberi perkhidmatan kepada semua pengguna dengan menyampaikan maklumat yang mudah difahami. Untuk itu, Gambier (2009: 51) membahagikan konsep ketersampaian (*accessibility*) kepada lima aspek, iaitu *acceptability*, *legibility*, *readability*, *relevance* dan *domestication strategies*. Pendekatan ketersampaian Gambier pernah diterapkan oleh Liew, Hasuria dan Wan Rose (2013) dalam membandingkan tanggapan dan penerimaan penonton terhadap hasil penyarikataan umum dalam DVD dan hasil *fansub* dengan menggunakan istilah ‘kebolehterimaan’ (*acceptability*), ‘kemudahbacaan’ (*legibility*), ‘kebolehbacaan’ (*readability*), ‘kerelevanan’ (*relevance*) dan ‘pendekatan persetempatan’ (*domestication strategies*). **Konsep ketersampaian yang dimanfaatkan dalam kajian ini ditakrifkan dari segi penerimaan (*acceptability*), relevan (*relevance*) dan strategi penyetempatan**